



## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	JPNK			

# Lakukan semula kajian EIA

Melibatkan Hutan Simpan Gunung Inas, Hutan Simpan Gunung Bongsu dan Hutan Simpan Rimba Teloi

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

**K**ajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) projek pembangunan hutan yang diluluskan di Hutan Simpan Gunung Inas, Hutan Simpan Gunung Bongsu dan Hutan Simpan Rimba Teloi perlu dilakukan semula berdasarkan keadaan semasa bagi membolehkan penduduk menilai apa yang dilaporkan pihak pemaju.

Wakil Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Pekam) Cawangan Kedah, Mohd Sobri Ramlee berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perhutanan perlu mengkaji semula pembangunan ladang hutan yang menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk serta alam sekitar.

Menurutnya, projek pembangunan hutan berkonsepkan pembalakan 'cuci mangkuk' tidak wajar dilaksanakan walau apa pun alasan kerana musibah yang akan dihadapi amat buruk.



Teres dibina di Gunung Inas untuk menanam pokok durian musang king yang ditanam pada awal tahun.

"Kajian EIA perlu telus tanpa gangguan pihak berkepentingan. Saya syorkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bekerjasama memantau aktiviti pembalakan bagi membendung sogokan dalam meluluskan laporan EIA.

"Laporan perlu dibentangkan kepada umum. Sebelum ini terdapat projek pembangunan hutan yang perlukan EIA tetapi tidak dilaksanakan.

"Selepas terdapat bantahan, barulah kajian EIA dijalankan seperti di Hutan Simpan Bukit Enggang berkeluasan 500 hektar.



MOHD SOBRI

Bagaimana prosedur penting ini boleh lolos dan disebabkan itu perlunya SPRM memantau," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Menurut Penasihat Sahabat Alam Sik (SAS) itu lagi, kerajaan negeri disaran mengkaji semula pelaksanaan pembangunan hutan yang diluluskan di tiga hutan simpan terbabit yang sebelum ini mengakibatkan pelbagai masalah, sekali gus merugikan rakyat dan kerajaan.

"Projek pembangunan hutan di Hutan Simpan Bukit Enggang yang ditanam spesies balak mendapat bantahan penduduk yang

mendesak menggantikan pokok albezia kepada spesies asal balak boleh dijadikan contoh.

"Hutan simpan tidak boleh dibangunkan sebagai ladang hutan kerana ia mempunyai fungsi khusus untuk alam sekitar.

"Pokok durian musang king yang ditanam bukannya untuk balak tetapi pengambilan buah, jadi fungsi Hutan Simpan Kekal gagal dikawal," katanya.

Jelasnya lagi, projek pembangunan hutan tidak memberi kesan positif kepada penduduk sekitar, malah mereka terpaksa menanggung kerugian akibat banjir, kemusnahan ladang dan pencemaran sumber air bersih.

"Seeloknya batalkan semua projek pembangunan hutan yang ada. Tanam pokok penutup bumi

untuk proses jangka singkat dan spesies balak bagi jangka masa panjang," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, jika projek musang king tetap diteruskan di Gunung Inas, hakisan daripada teres akan bertambah teruk dan berpotensi berlaku banjir lumpur lebih besar, selain pencemaran sumber air bersih oleh aktiviti pembajaan serta racun.

"Ancaman terhadap hidupan akuatik dan hidupan liar turut berlaku, sungai semakin cetek. Tiada jalan penyelesaian jika projek musang king tetap diteruskan.

"Peranan hutan sebagai pengimbang kepada alam sekitar juga hilang, menyebabkan suhu meningkat dan banjir kilat kerap terjadi," katanya.

Mohd Sobri berkata, sejak November 2018, pilihannya telah menyerahkan laporan rasmi kepada JAS berkenaan banjir lumpur melanda beberapa kampung, namun tiada jalan penyelesaian dan projek tetap diteruskan.

"Sehingga kini, banjir lumpur kerap melanda kampung berdekatan, tanaman komoditi seperti getah dan kelapa sawit yang menjadi punca pendapatan penduduk musnah termasuk dusun buah-buahan akibat mendapan lumpur tebal.

"Setengah penduduk menjadikan air dari Gunung Inas sebagai punca air bersih untuk kegunaan seharian kerana belum menerima air terawat," katanya.